

Mural Tukang Bot Klaut bawah jambatan

UM 9/12/2022 M 8.31

KUALA TERENGGANU: Pelukis mural daripada kumpulan Aur menghasilkan sebuah mural bertajuk 'Tukang Bot Klaut' (tukang bot ke laut) yang memaparkan struktur binaan pengangkutan air tersebut di bawah Jambatan Sultan Mahmud di sini.

Ketua pelukis kumpulan itu, Taib Abdul Razak berkata, lukisan mural tersebut yang berukuran 11 meter lebar dan enam meter tinggi itu dijangka siap pada Sabtu ini.

Menurutnya, projek lukisan mural itu yang dibiayai oleh Balai Seni Negara sempena siri *Jerayawara Seni, Kuala Terengganu, Lindungan dan Dagangan* bermula dari Januari hingga Jun tahun depan.

Kata Taib pihaknya menyiapkan projek kajian, lakaran dan pembangunan idea mural tersebut pada November lalu sebelum dihantar kepada Balai Seni Negara untuk kelulusan.

"Kami membuat lakaran mural ini dengan teliti hasil rujukan



LIMA pelukis kumpulan Aur dalam proses menyiapkan lukisan mural 'Tukang Bot Klaut' di Pulau Duyong, Kuala Terengganu.- UTUSAN/KAMALIZA KAMARUDDIN

pakar pembuatan kapal nelayan Terengganu di Pulau Duyong kerana mahu struktur binaan

sebenar ditampilkan melalui mural ini.

"Lukisan mural ini adalah

satu medium pendidikan mengenai teknologi pembuatan kapal untuk rujukan masyarakat dan secara tidak langsung menjadi satu daya tarikan pelancongan di Terengganu," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Selain Taib, empat lagi ahli kumpulan itu ialah dua pelukis iaitu Khairil Hakim Zaidan, 27, dan Aiman Faiez Jailani, 24, serta dua kakitangan pengurusan iaitu Saufian Othman, 42, dan Nur Athirah Lokman, 30.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati kerja-kerja lukisan mural itu hampir siap kira-kira 90 peratus untuk tatapan wakil Balai Seni Negara.

Taib memberitahu, mereka memulakan gotong-royong membersihkan kawasan pada Jumaat lalu, diikuti proses mengecat latar dinding mural dan memulakan proses melukis pada Isnin.

"Proses melukis tidak mengambil masa yang lama kerana kita ada tiga pelukis yang berkemahiran mengikut lakaran yang telah dipersetujui.